

# Remaja bunuh 23 penghuni tahfiz dipenjara

Dihukum sehingga mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN dan ROSALWANI CHE SOH

KUALA LUMPUR

**M**ahkamah Tinggi di sini semalam mensabitkan seorang remaja lelaki bersalah membunuh 23 individu dalam kebakaran di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, Kampung Datuk Keramat di sini tiga tahun lalu.

Hakim Datuk Azman Abdullah menjatuhkan hukuman penjara terhadap remaja itu yang kini berusia 19 tahun sehingga mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong.

Keputusan itu dibuat selepas berpuas hati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah.

Sementara itu, tertuduh kelihatan menangis dan tersandar di kerusi dalam kamar mahkamah selepas mendengar keputusan hakim.

Ketika membaca keputusan penghakimannya, Azman berkata, ia selaras dengan keperluan Seksyen 97 (1) Akta Kanak-kanak 2001 yang mana hukuman penjara itu selama diperkenan oleh Yang di-Pertuan Agong apabila tertuduh tidak boleh dikenakan hukuman mati memandangkan ketika kejadian dia berusia 16 tahun.

"Tertuduh didapati dengan sengaja melakukan khianat tersebut dengan niat untuk membunuh," kata beliau.

Pada 20 Januari lalu, Mahkamah Tinggi memerintahkan remaja itu membela diri atas tuduhan membunuh 23



Kejadian pada 14 September 2017 menyebabkan seramai 23 penghuni Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, Kuala Lumpur maut dalam kebakaran.

penghuni Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah pada September 2017.

Sementara seorang lagi remaja yang juga tertuduh kedua, dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan sama oleh mahkamah.

Pendakwaan diwakili Timbalan Pendakwa Raya, Julia Ibrahim manakala remaja tersebut diwakili peguam, Mohd Haijan Omar.

Sebelum ini kebakaran pusat tahfiz di Jalan Keramat Hujung, Kampung Datuk Keramat, Wangsa Maju di sini berlaku antara jam 4.15 pagi dan 6.45 pagi pada 14 September 2017.

## Peguam wakili tertuduh akan failkan rayuan

**KUALA LUMPUR** - Peguam yang mewakili remaja yang dihukum penjara kerana membunuh 23 penghuni Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, Kampung Datuk Keramat akan memfailkan rayuan kepada mahkamah rayuan dalam tempoh 14 hari.

Mohd Haijan Omar berkata, mereka akan mengikut prosedur seperti yang ditetapkan mahkamah.

Ketika ditanya media reaksi anak guamnya selepas hukuman dijatuhkan terhadap remaja itu, Mohd Haijan berkata, sudah tentunya sedih.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya, Julia Ibrahim berkata, beliau amat berpuas hati dengan keputusan yang ditetapkan mahkamah semalam.

"Kita terima keputusan itu sebab kita sudah melakukan yang terbaik untuk kes ini dan hari ini (semalam) selesai," katanya ketika ditemui di luar Mahkamah Tinggi di sini semalam.

Julia berkata, sekarang pihaknya hanya menunggu peringkat rayuan daripada pihak pembelaan.

## Kronologi kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah

### 14 September 2017

- Kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, Kampung Datuk Keramat pada jam 4.15 pagi.
- Seramai 23 individu maut membabitkan 21 pelajar lelaki berusia 6 hingga 17 tahun manakala dua lagi guru berusia 25 dan 26 tahun.
- Enam pelajar dan seorang orang awam cedera.

### 15 September 2017

- Identiti kesemua mangsa dikenal pasti dan diserahkan kepada ahli keluarga masing-masing.
- 12 jenazah dikebumikan di Tanah Perkuburan Raudhatul Sakinah manakala jenazah lain dikebumikan di lokasi mengikut permintaan keluarga masing-masing.
- Polis menerima beberapa rakaman pita video daripada PPIM dan berjaya mengesan beberapa suspek dalam rakaman berkenaan.

### 16 September 2017

- Polis menangkap tujuh suspek berusia 11 hingga 18 tahun. Enam daripada tujuh suspek positif dadah.
- Dua daripada suspek mempunyai rekod lampau iaitu kes rusuhan dan mencuri kenderaan.

### 30 Mei 2018

- Perbicaraan bermula di Mahkamah Kuala Lumpur. Pada awalnya, mereka dituduh secara bersama atas kesalahan membunuh namun pertuduhan itu dipinda susulan keputusan pada akhir kes pendakwaan.
- Menurut pertuduhan yang dipinda, remaja itu bersama seseorang yang tidak dicamkan dituduh membunuh dan menyebabkan kematian 23 penghuni pusat tahfiz berkenaan.
- Seramai 71 saksi memberi keterangan semasa peringkat pendakwaan. Antara saksi yang dipanggil ialah Pengarah (Bahagian Keselamatan Kebakaran) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM) Putrajaya, Edwin Galan Teruki dan Pegawai Sains di Makmal Siasatan Kebakaran JPBM Kuala Lumpur, Yusnita Osman.
- Selain itu, empat wanita yang merupakan ibu kepada beberapa mangsa dipanggil memberi keterangan sebagai saksi pendakwaan.
- Seorang remaja berusia 19 tahun memberitahu Mahkamah Tinggi yang dia bersama-sama tertuduh serta rakan-rakan lain menghisap ganja sebelum kebakaran berlaku.

### 28 Januari 2020

- Hakim Datuk Azman Abdullah memerintahkan remaja berusia 16 tahun ketika melakukan kesalahan itu membela diri selepas mendapati pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh yang kini berusia 19 tahun.
- Mahkamah melepas dan membebaskan seorang lagi individu berusia remaja itu yang dituduh bersama-samanya tanpa dipanggil membela diri.

### 19 Jun 2020

- Pihak pembelaan mengakhiri kes mereka selepas memanggil enam saksi.

## Senarai nama mangsa maut

### Pelajar

1. Muhammad Danieal Md Amin, 14
2. Ahmad Rijal Mohammad Rodzi, 13
3. Muhammad Hasrullah Ismaik, 14
4. Muhammad Haikal Abdullah, 12
5. Muhammad Aidil Aqmal Mohd Zamzuri, 10
6. Muhammaf Fahmie Abdullah, 11
7. Muhammad Afq Haqimie Hairulizwan, 11
8. Muhammad Aiman Ramzanudin, 12
9. Azkar Däriemi F Zaska, 8
10. Nik Muhammad Ridzuan Nik Azlan, 12
11. Azkar Abiedi F Zaska, 11
12. Umar Al Khatab Helmi, 6
13. Amiel Asyraaf Abd Rasid, 11
14. Muhammad Nizamuddin Nasrun, 13
15. Muhammad Hafiz Iskandar Sulaiman, 11
16. Muhammad Harris Ikhwan Mohd Sulaiman, 10
17. Muhammad Taufik Hidayat Norazizan, 16
18. Ahmad Harith Adam Mohd Nor Hadi, 12
19. Muhammad Hazim Ahmad Nor, 13
20. Muhammad Syafiq Haikal Abdullah, 13
21. Muhammad Zattulah Roslan, 11

### Guru

22. Mohd Yusuf Md, 26
23. Mohd Amrul Nizam Sakarno, 25